

Kaji dulu kesan projek

KUALA LUMPUR 19 April — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan kerajaan-kerajaan negeri supaya mengkaji dahulu sama ada sesuatu projek yang akan dijalankan di atas tapak tanah milik rakyat dapat memberikan keuntungan kepada pemilik tanah yang terlibat.

Menurut beliau, sememangnya menjadi dasar kerajaan untuk tidak melaksanakan sesuatu yang tidak diingini rakyat.

"Kerajaan negeri perlu kaji kesan sesuatu projek terhadap tuan punya tanah, sama ada dia (pemilik tanah) untung atau rugi," kata beliau kepada para pemberita selepas upacara penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Dalam Negeri (KDN) 1993 di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas keputusan Kerajaan Negeri Kedah membatalkan Projek Taman Antarabangsa Jerai (JIP) pada 13 April lepas.

Keputusan itu dibuat oleh Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff, setelah menimbang dengan teliti perasaan dan kehendak penduduk di kawasan terlibat.

Keputusan bijak

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri memuji keputusan yang dibuat oleh Osman dan menyifatkannya sebagai keputusan yang bijak kerana mendengar masalah majoriti penduduk yang terlibat, yang tidak bersetuju dengan perlaksanaan projek bernilai RM17 bilion itu.

Pada 11 April lalu, Dr. Mahathir berkata, Kerajaan Pusat akan menjalankan siasatan terhadap keseluruhan projek JIP kerana ia boleh menjejaskan kedudukan kerajaan dan parti UMNO.

Mengulas lebih lanjut, Perdana Menteri memberi contoh bahawa kerajaan ada mengambil banyak tanah daripada penduduk di Pulau Langkawi, tetapi hanya setelah ada persetujuan bersama.

"Di Langkawi, kita ambil banyak tanah untuk projek-projek di situ, tetapi tak ada protes daripada pemilik tanah.

"Pada masa yang sama, kita menebusguna tanah dari laut supaya tak perlu ambil tanah di pulau itu yang sudah dikeluarkan geran atau sebagainya," kata beliau.

Selain itu, Dr. Mahathir turut mengulangi peringatannya supaya kerajaan-kerajaan negeri menyiasat terlebih dahulu latar belakang sesuatu syarikat yang membuat cadangan untuk melaksanakan sesuatu projek.